

# Bayi ditinggal di beranda rumah

Kosmo 29/04/2010 MIS 11

Oleh Zaid Mohd. Noor  
zaid.mohdnor@kosmo.com.my

**TANAH MERAH** - Seorang bayi lelaki seberat 3.3 kilogram ditemui ditinggalkan di beranda sebuah rumah di Jalan Wan Ahmad di sini malam kelmarin.

Bayi itu yang masih hidup dan dipercayai baru berusia dua hari dikatakan ditinggalkan dalam keadaan masih bertali pusat dan berbalut sehelai selimut di rumah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Tanah Merah, Deputy Supritendan Abdul Aziz Mahmud berkata, bayi berkenaan ditemui oleh pemilik rumah tersebut, Sukma Abdullah, 56, pada pukul 12.30 malam

kelmarin sebelum dilaporkan kepada polis.

Menurutnya, warga emas itu menyedari bayi tersebut berada di rumahnya selepas terdengar tangisan bayi malang tersebut.

"Polis yang berkejar ke tempat kejadian menemui bayi berkenaan dalam keadaan sihat tanpa sebarang kecederaan dalam keadaan berbalut selimut.

"Bayi terbabit kemudiannya dibawa ke Hospital Tanah Merah bagi mendapatkan rawatan segera di Unit Kecemasan sejurus kemudian," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Abdul Aziz berkata, bayi lelaki itu kini ditempatkan di Wad Penjagaan Ka-

nak-kanak di hospital itu.

Jelasnya, polis akan melakukan siasatan segera bagi mengenal pasti ibu bapa yang meninggalkan bayi berkenaan.

"Kami juga akan meminta kerjasama dengan Jabatan Pelajaran bagi mendapatkan maklumat mengenai pelajar sekolah yang tidak ke sekolah sejak beberapa hari lalu untuk disiasat.

"Selain itu, laporan daripada beberapa klinik swasta yang ada di sekitar daerah ini juga akan diperiksa untuk mengesan suspek," ujarnya.

Katanya, kes terbabit disiasat dan disabitkan kesalahan di bawah Syeksyen 317 Kanun Keseksaan.



WAJAH bayi yang ditinggalkan di beranda rumah.



SUKMA menunjukkan tempat berkenaan ditemui di rumahnya di Tanah Merah semalam.